

PENDEKATAN DAKWAH USTAZ EBIT LEW KEPADA GOLONGAN LGBT

Maizurah Binti Mansor¹

Nur Nabila Binti Sidel²

Zuraida Binti Saad³

Prof. Madya Dr. Syed Najihuddin bin Syed Hassan⁴

¹Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Email: maizuraazurah@raudah.usim.edu.my

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. [Email: abel.zaidil@raudah.usim.edu.my](mailto:abel.zaidil@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia [Email : zuraidasaad00@raudah.usim.edu.my](mailto:zuraidasaad00@raudah.usim.edu.my)

⁴Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Email: syednajihuddin@usim.edu.my

Abstrak: *LGBT yang merujuk kepada komuniti lesbian, gay, biseksual dan transgender merupakan satu istilah yang memberi makna kepada hubungan seksual yang songsang dan haram secara mutlak di dalam Islam. Perbuatan homoseksual adalah dilarang sama sekali di dalam perundangan Islam. Permasalahan berhubung dengan golongan ini merupakan antara isu yang dihadapi oleh kebanyakan negara Islam termasuk di Malaysia. Pelbagai usaha telah diambil oleh semua pihak untuk menangani masalah ini antaranya melalui seminar, ceramah program kesedaran dan lain-lain. Sebagai contoh, pendekatan dakwah yang telah dilakukan oleh seorang pendakwah terkenal Malaysia iaitu Ustaz Ebit Lew di mana beliau mendekati golongan LGBT yang terlibat secara halus sekaligus memberi kesedaran kepada mereka yang terlibat dengan menggunakan strategi-strategi yang tertentu. Namun begitu, usaha ini turut mendapat tentangan daripada mereka malah terdapat golongan yang semakin agresif dan tidak mengambil peduli, serta mempertahankan perbuatan yang songsang ini dengan mengatakan ia merupakan satu hak kebebasan kepada individu tersebut. Maka dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan maksud LGBT menurut perspektif Islam dengan jelas, mengkaji kaedah penyebaran dakwah Ustaz Ebit Lew kepada golongan LGBT serta mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh Ustaz Ebit Lew dalam menyebarkan dakwah.. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan metod kajian kualitatif iaitu secara analisis maklumat dan kajian kuantitatif iaitu tinjauan melalui soal selidik yang diberikan kepada masyarakat. Kesimpulannya, program dakwah beliau dilihat sebagai suatu inisiatif awal untuk membantu komuniti LGBT dalam usaha menjalani kehidupan yang selari dengan tuntutan Syariat.*

Kata Kunci: Dakwah Islam, LGBT, Malaysia, Pendekatan Dakwah.

1. PENGENALAN

LGBT merujuk kepada gay, lesbian, biseksual dan transgender. Allah SWT menjelaskan permasalahan homoseksual sudah lama berlaku dalam kalangan umat Nabi Lut AS. Perbuatan homoseksual terbabit jelas perkara yang keji sebagaimana firman-Nya pada Surah al-A'raf ayat 80 hingga 84. Ayat ini jelas menggambarkan perilaku jenayah songsang umat Nabi Lut A.S yang mengalami masalah kecelaruan seks apabila memiliki kecenderungan melakukan hubungan intim dengan kaum sejenis iaitu lelaki bersama lelaki dan perempuan dengan perempuan (Zamihan,2021). Perbuatan homoseksual adalah dilarang dalam perundangan Islam tradisional dan boleh dikenakan pelbagai hukuman bergantung pada keadaan dan mazhab, termasuklah hukuman mati. Isu LGBT ini bukanlah isu baru yang bertapak di Malaysia malah, ianya sudah mula berkembang di Malaysia pada awal tahun 80-an. Gejala-gejala sosial yang berlaku di Malaysia amat membimbangkan pada masa kini apabila ia melibatkan isu moral dan kehidupan masyarakat. Oleh itu, organisasi-organisasi dan persatuan-persatuan ditubuh dan dikuatkuasakan untuk membanteras gejala LGBT daripada terus berleluasa di Malaysia. Perundangan Islam juga turut melarang perbuatan LGBT daripada terus menular dikalangan masyarakat terutama golongan anak-anak muda yang masih bersekolah. Namun begitu, masih terdapat segelintir masyarakat yang menolak dan menentang dakwah yang disampaikan kepada mereka malah mereka semakin lantang bersuara untuk menegakkan hak masing-masing (Afandi & Sabri, 2019).

Isu LGBT ini tidak mendatangkan manfaat malah ianya merupakan perbuatan songsang yang sama sekali dilarang di dalam Islam. Oleh itu, salah seorang pendakwah selebriti terkenal Malaysia, Ustaz Ebit Lew telah menubuhkan sebuah organisasi dan menjalankan dakwah beliau secara aktif kepada masyarakat. Dakwah beliau tidak terbatas, termasuklah dakwah kepada golongan LGBT. Beliau sangat gigih dalam menyebarkan dakwahnya sehingga menjadikan segelintir golongan berubah kepada fitrah asal, malah menjadikan mereka seorang manusia yang lebih baik lagi. Dakwah beliau bukan sahaja melalui media massa, beliau juga turut serta dalam menyantuni masyarakat di tempat-tempat tertentu, dalam erti kata lain beliau juga turun padang untuk menyebarkan dakwahnya. Bentuk dakwah beliau dalam membina umat manusia yang baik akhlaknya, adalah melalui bentuk pendidikan formal dan tidak formal seperti dakwah bil al-hal iaitu dakwah melalui perbuatan.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan maksud LGBT menurut perspektif Islam dengan jelas, mengkaji kaedah penyebaran dakwah Ustaz Ebit Lew kepada golongan LGBT serta mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh Ustaz Ebit Lew dalam menyebarkan dakwah. Kajian ini menggunakan metod kualitatif iaitu secara analisis maklumat bagi mendapatkan bahan yang mencukupi dan diperlukan untuk rujukan pada masa hadapan. Selain itu, metod kuantitatif juga digunakan iaitu dengan tinjauan soal selidik yang diberikan kepada masyarakat.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Menghuraikan maksud LGBT menurut perspektif Islam dengan jelas.
2. Mengkaji kaedah pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew terhadap golongan LGBT.
3. Menenalpasti cabaran yang dihadapi oleh Ustaz Ebit Lew dalam menyebarkan dakwah.

2. KAJIAN LEPAS

Di dalam kajian Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri (2019) menjelaskan bahawa penulisan mereka adalah bertujuan untuk menengahkan isu LGBT ini secara lebih terperinci

dan mencadangkan beberapa langkah yang boleh diambil bagi mengatasi gejala ini. Mereka menggunakan kaedah kajian kepustakaan serta penulisan yang pelbagai dan beberapa kes telah dirujuk bagi mendapatkan data yang bersesuaian dengan kajian mereka. Hasil daripada penulisan ini akan mencadangkan beberapa langkah yang sesuai bagi menyelesaikan isu gejala LGBT ini dari sudut pendekatan undang-undang dan penguatkuasaannya. Seterusnya kajian Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Sha (2021) menjelaskan kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk membincangkan undang-undang sedia ada dan fatwa yang terpakai terhadap golongan transgender serta melihat kesesuaiannya pada masa kini. Status pengiktirafan transgender di beberapa negara terpilih juga turut menjadi tinjauan di dalam kajian ini. Artikel ini menggunakan metodologi kualitatif bersumberkan rujukan primer dan sekunder daripada buku-buku, artikel jurnal, keratan akhbar dan statut-statut seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta dan Enakmen Negeri-negeri serta kes-kes yang berkaitan. Hasil kajian mendapati bahawa peruntukan undang-undang jenayah Syariah berkaitan transgender adalah berbeza antara negeri dan bersifat gender bias. Oleh itu, ia memerlukan penambahbaikan dan penelitian semula supaya lebih jelas dan komprehensif supaya tidak mudah dicabar oleh pihak-pihak berkepentingan.

Seterusnya, tujuan kajian dalam artikel yang lain iaitu artikel daripada Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S (2015) pula ini adalah untuk melihat faktor dan cara gaya hidup serta kemungkinan untuk kembali pulih dalam kalangan golongan lesbian. Bagi mendapatkan maklumat, pengkaji menggunakan kaedah temubual melalui teknik persampelan mudah dan persampelan bola salji. Hasil kajian mendapati bahawa faktor dominan yang mempengaruhi remaja untuk terlibat dengan gejala lesbian adalah apabila mereka amat lemah dalam amalan keagamaan. Selain daripada itu, faktor keluarga, rakan-rakan dan faktor pasangan sejenis yang memahami antara satu sama lain turut menjadi punca kepada kegiatan ini.

Seterusnya, terdapat beberapa pengkaji yang menyatakan di dalam kajian mereka tentang kaedah dakwah yang dijalankan kepada golongan lgbt antaranya di dalam journal Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd. Rahman dan Rosni Wazir (2016) menyatakan bahawa terdapat lima metodologi yang telah dilaksanakan oleh presiden pertubuhan amali firdaus sebagai usaha mereka dalam berdakwah kepada golongan LGBT di Malaysia iaitu menggunakan metodologi dakwah bi al-hāl, metodologi dakwah melalui hiburan, metodologi dakwah melalui pembinaan sosial dan metodologi dakwah melalui pembangunan sahsiah. Seterusnya artikel Nor Nazihah Awang @ Yaacob dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2020). Pengkaji menyatakan di dalam artikel mereka bahawa terdapat beberapa pihak NGO telah menggunakan pendekatan usrah sebagai satu wasilah ataupun jalan dakwah mereka untuk mendekati golongan homoseksual. Kemudian kajian daripada Nurizzati Hasbullah dan Khazri Osman (2018) menjelaskan bahawa Pertubuhan Usrah Fitrah melakukan pendekatan yang memberi kesan yang baik dengan menggunakan pendekatan yang mudah difahami oleh golongan yang disasarkan. Hal ini turut memberi impak yang baik terhadap diri golongan tersebut. Antara kaedah pertubuhan usrah dalam berdakwah kepada lesbian ini adalah menjalankan program-program seperti program kesedaran dan motivasi, kelas fardhu ain, program usrah, kelas iqra' dan mengaji, street dakwah, positif life project, projek sukarelawan muslim dan terakhir adalah program jalinan mahabbah.

Isi penting yang lain yang menjadi tema di dalam kajian yang lepas adalah faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya gejala lgbt. Terdapat beberapa kajian lepas yang dijalankan mengenai faktor-faktor terjadinya gejala lgbt di kalangan masyarakat. Antaranya di

dalam artikel Azlina Mohd Khir dan Che W Hashimi Rafsanjani Che W Raksan (2018) mendapati terdapat dua pengaruh yang menyebabkan informan terlibat dalam gejala gay iaitu pengaruh dalaman dan pengaruh luaran. Pengaruh dalaman meliputi aspek naluri menyukai lelaki, pengaruh masa lampau, kurang penghayatan agama dan mempunyai fahaman atau pemikiran yang terbuka terhadap gay. Manakala pengaruh luaran meliputi pengaruh ruang dan peluang, pengaruh internet, pengaruh persekitaran keluarga yang feminin serta pengaruh rakan sebaya. Artikel daripada Noremy Md Akhir, Fadzilah Abdullah & Mohammad Rahim Kamaluddin (2019) menyatakan bahawa faktor yang mempengaruhi penglibatan mahasiswa IPTA dalam LGBT iaitu personaliti semulajadi, orientasi peranan seksualiti semasa kecil, sokongan material, ketagihan kesan pengalaman mengalami gangguan seksual, pengaruh rakan sejenis, kurang perhatian dan kawalan ibu bapa, kurang kefahaman ilmu agama dan akhlak Islamiah, faktor kesunyian dan bagi memenuhi keinginan seksual yang tinggi.

Seterusnya artikel daripada Azlina Mohd Khir, Che W Hashimi Rafsanjani Che W Raksan, Aini Azeqa Ma`rof dan Amna Md Noor (2018). Di dalam kajian yang mereka jalankan, mereka mendedahkan beberapa kesan buruk yang boleh menimpa kepada masyarakat yang terlibat di dalam aktiviti gay seperti kadar percubaan membunuh diri meningkat akibat daripada penolakan masyarakat serta lebih cenderung dipinggirkan oleh ahli keluarga. Selain itu dari aspek kesihatan, perlakuan homoseksual ini memberi kesan yang buruk kerana jabatan Kesihatan Kuala Lumpur melaporkan pelaku homoseksual ini menjadi salah satu penyumbang kepada peningkatan jangkitan HIV di Malaysia. Dari aspek kekeluargaan dan rumah tangga pula, kesan daripada penglibatan golongan ini akan menyebabkan kepada keruntuhan institusi kekeluargaan seperti berlakunya kes penceraian. Artikel Kamal Azmi Abd. Rahman (2015), di dalam kesimpulannya, Kamal menegaskan bahawa perbuatan lgbt ini tidak hanya salah di sisi agama dan masyarakat, bahkan juga memberikan kesan yang negatif dalam kehidupan bermasyarakat seperti keruntuhan institusi rumah tangga, berlaku pelbagai penyakit kelamin dan jiwa serta sebagainya. Kemudian Jurnal Wan Nursabrina Batrisyia Wan Rushdan Nasrudin Subhi (2022) menyatakan bahawa individu yang terlibat dengan perilaku LGBT berisiko tinggi ke arah penularan virus yang masih tidak diketahui kaedah rawatannya iaitu HIV/AIDS. Tambahannya, pada tahun 1986, tiga kes HIV dilaporkan di Malaysia dan selepas lebih 20 tahun epidemik ini dikesan di Malaysia, ianya mencatatkan kenaikan jumlah yang signifikan iaitu seramai 87,710 orang yang menderita daripada penyakit HIV. Individu yang terlibat dengan gejala LGBT ini adalah lebih cenderung ke arah masalah kesihatan mental, kecelaruan dari segi psikologi dan yang lebih membimbangkan iaitu perlakuan membunuh diri akan lebih meningkat.

3. KAEDAH PENDEKATAN DAKWAH USTAZ EBIT LEW KEPADA GOLONGAN LGBT

Kaedah-kaedah dakwah yang digunakan oleh seorang pendakwah amatlah penting agar dakwahnya berkesan dan diterima dengan baik oleh orang yang menerima dakwahnya (Mardiyah et al., 2019) Kaedah pendekatan yang digunakan oleh Ustaz Ebit Lew untuk mendekati golongan LGBT adalah dengan menggunakan kaedah pendekatan dakwah secara berhikmah dan lemah lembut. Berlembut pada tempat yang memerlukan kelembutan adalah bukti kebijaksanaan pendakwah. Pendekatan ini bukan sahaja mampu menarik golongan sasaran untuk mendengar dakwah yang disampaikan bahkan kaedah ini mampu menyuntik dan membuka hati mereka untuk menerima dakwah tersebut. Menjadikan media sosial seperti Instagram sebagai medium untuk menyampaikan dakwah, pendakwah bebas Ustaz Ebit Lew dilihat menggunakan pendekatan lembut dan berhemah dalam usahanya menyampaikan

dakwah terhadap golongan LGBT. Beliau dilihat mendekati golongan ‘mak nyah’ di sekitar ibu negara untuk menyampaikan dakwah kepada mereka.

Selain itu, beliau juga turut menjalankan program ‘Door to door Ebit Lew’ untuk mendekati golongan LGBT. Dalam usaha dakwah tersebut, beliau juga dilihat menggunakan pendekatan Mujadalah (bersoal-jawab) dan Muhawarah (berdialog) ketika menziarahi dan menyantuni golongan LGBT. Dakwah yang dilakukan beliau dilihat bertepatan dengan kehendak masa kini, di mana pendekatan ‘turun padang’ merupakan suatu keperluan agar pelaksanaan dakwah kepada golongan sasaran berhasil dicapai.

4. CABARAN YANG DIHADAPI OLEH USTAZ EBIT LEW DALAM MENYAMPAIKAN DAKWAH KEPADA GOLONGAN LGBT

Pelbagai cabaran dan tentangan yang dihadapi oleh Ustaz Ebit Lew sepanjang perjalanan dakwah beliau dalam menyebarkan kebaikan dan kesedaran kepada masyarakat termasuklah cabaran ketika cuba mendekati golongan LGBT ini. Sebahagian golongan LGBT di Malaysia agak sukar untuk didekati kerana belum bersedia untuk menerima ajaran serta tuntutan seorang muslim dalam mengenali fitrah asal mereka. Mereka juga menganggap persekitaran di sekeliling mereka tidak menerima mereka sebagai sebahagian daripada masyarakat sejagat (Khairul & Hafizah, 2018). Mereka juga menganggap kehadiran Ustaz Ebit Lew dalam mendekati golongan LGBT ini hanya untuk memperlekehkan kehidupan seorang insan yang menjalani kehidupan songsang dan melakukannya semata-mata untuk dipaparkan di dalam media sosial demi mengaut publisiti. Sebahagian masyarakat juga turut memperlekehkan perjuangan Ustaz Ebit Lew dalam menyampaikan dakwah beliau seperti mengecam dan tidak berpuas hati serta menabur fitnah ke atas beliau.

5. MATLAMAT / TUJUAN PENDEKATAN DAKWAH USTAZ EBIT LEW KEPADA GOLONGAN LGBT

Dakwah adalah program yang terancang yang mungkin mendorong seseorang untuk mengamalkan dan menghayati Islam dalam diri seseorang. Dalam Islam, setiap muslim digalakkan untuk menjalankan tugas berdakwah sama ada secara individu atau kolektif. Peranan pendakwah adalah penting dalam menangani topik berkaitan lgbt untuk menunjukkan kebolehan dan keupayaan Islam untuk menangani pelbagai cabaran sosial. Oleh kerana itu, telah menjadi tanggungjawab para pendakwah untuk menghalang perkara ini daripada berleluasa ke seluruh masyarakat.

Walau bagaimanapun, pendekatan dakwah ini telah dijalankan oleh pendakwah Ustaz Ebit Lew terhadap golongan LGBT. Maka tujuan pendekatan dakwah yang dibawa oleh ustaz Ebit Lew kepada golongan LGBT adalah bertujuan untuk menyedarkan golongan lgbt kembali kepada fitrah. Usaha pendekatan ini agar mereka kembali kepada kehidupan yang normal. Pendekatan dakwah yang dibawa ini menuntut kita mencari pendekatan yang terbaik dan sesuai dengan keadaan golongan sasaran iaitu golongan LGBT. Sebagaimana firman Allah yang bermaksud: “Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan al-hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-nya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk”. (Surah al-Nahl: 125). Justeru, pendekatan


dakwah Ustaz Ebit Lew ini adalah mendekati dan menyantuni golongan lgbt dengan cara yang baik serta memberikan teguran dan nasihat secara berhemah.

Maka, laras bahasa yang diguna pakai dalam mengimbangi dakwaan mereka bahawa mereka juga mempunyai hak sebagai manusia hendaklah berkesan dan difahami oleh generasi kini. Disini, pendakwah Ustaz Ebit Lew menjelaskan kepada mereka bahawa Islam menolak seruan dan amalan seks yang songsang tersebut, namun dalam masa yang sama, Islam mengiktiraf sudut-sudut yang lain dari segi keinsanan dan persaudaraan sesama muslim. Ajaran Islam sentiasa memberikan harapan untuk manusia kembali kepada Allah dengan penuh penuh cinta dan taubat. Agama ini tidak menjadikan manusia putus asa sebaliknya sentiasa memberikan harapan dan sinar ke arah yang lebih baik. Golongan LGBT sama seperti para pendosa yang lain, di hadapan terbentang luas pintu untuk kembali kepada Tuhan Yang Maha Penyayang.


6. PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian ini tertumpu kepada masyarakat, yang majoritinya beragama Islam. Kajian ini melibatkan 31 orang masyarakat setempat yang bertujuan untuk mengetahui sejauh manakah kefahaman mereka terhadap pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew kepada golongan LGBT di Malaysia. Soal selidik yang dijalankan adalah melalui platform *Google Form* yang terdiri daripada 10 soalan yang berkaitan dengan kajian.

6.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN



Rajah 1: Jantina Responden




Rajah 2: Umur Responden

Bil	Perkara	Kategori	Peratus (%)
1	Jantina	Lelaki	12.9
		Perempuan	87.1
2	Umur	18-20	3.2
		21-23	61.3
		24-26	22.6
		27 tahun ke atas	16.1
JUMLAH RESPONDEN			100%

Jadual 1: Latar Belakang Responden

6.2 PENDEKATAN DAKWAH USTAZ EBIT LEW KEPADA GOLONGAN LGBT


3. Adakah anda mengenali Ustaz Ebit Lew?
31 responses



Rajah 3: Mengenali Ustaz Ebit Lew sebagai pendakwah terkenal.

Rajah 3 menunjukkan peratusan responden tentang mengenali personaliti dakwah terkenal di Malaysia iaitu Ustaz Ebit Lew. Sebanyak 100% iaitu keseluruhan 31 orang responden mengenali Ustaz Ebit Lew sebagai pendakwah terkenal. Ini menunjukkan generasi muda pada masa kini mengenali beliau kerana kemunculan beliau di dalam misi dakwah dimana beliau banyak memberi ceramah motivasi di setiap pelosok negara, serta perjuangan menyebarkan dakwah beliau kepada setiap masyarakat yang memerlukan telah mencetuskan fenomena kerana beliau telah banyak menyumbang dalam dakwah Islam di Malaysia.


4. Adakah cara pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew memberi kesan yang baik kepada masyarakat?
31 responses



Rajah 4: Kesan pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew kepada masyarakat.

Rajah 4 menunjukkan peratusan responden tentang kesan pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew kepada masyarakat. Sebanyak 100% iaitu keseluruhan 31 orang responden bersetuju bahawa pendekatan dakwah beliau memberi kesan yang sangat baik kepada masyarakat. Ini menunjukkan pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew membuka mata dan jalan kepada seseorang untuk menerima Islam. Tambahan pula, sumbangan beliau dalam membantu masyarakat setempat yang memerlukan, menubuhkan sebuah perbadanan untuk latihan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan di dalam pekerjaan, serta menyampaikan ceramah motivasi di setiap negara termasuk di luar negara telah mengharumkan nama negara sekaligus membantu dalam meningkatkan ekonomi di Malaysia.

5. Adakah pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew diterima baik oleh golongan LGBT di Malaysia?
31 responses




Rajah 5: Penerimaan baik pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew kepada Golongan LGBT di Malaysia.

Rajah 5 menunjukkan peratusan responden tentang kesan pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew kepada golongan LGBT di Malaysia. Sebanyak 93.5% iaitu seramai 28 orang responden bersetuju bahawa pendekatan dakwah beliau memberi kesan yang sangat baik kepada golongan LGBT. Ini menunjukkan pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew memberi impak yang besar dalam menyantuni golongan LGBT di Malaysia agar segera kembali kepada fitrah asal mereka dengan pendekatan yang lemah lembut dan penuh kasih sayang. Namun begitu, hanya 6.5% iaitu seramai 3 orang responden bersetuju bahawa pendekatan dakwah beliau kurang diterima baik oleh golongan LGBT. Hal ini kerana, sebahagian golongan LGBT di Malaysia agak sukar untuk didekati kerana belum bersedia untuk menerima dan mempelajari hakikat fitrah asal mereka.

6. Sejauh manakah tahap kefahaman anda tentang cara pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew kepada golongan LGBT ini?

31 responses




Rajah 6: Kefahaman tentang cara pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew

Berdasarkan rajah di atas, pengkaji juga turut mengumpulkan data mengenai sejauh manakah tahap kefahaman responden tentang cara pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew kepada golongan LGBT. Data menunjukkan bahawa terdapat 74.2% yang memberikan respon sangat faham tentang cara pendekatan dakwah ustaz. manakala, 22.6% mewakili responden yang kurang faham dan 3.2% menunjukkan bahawa terdapat responden yang tidak faham tentang cara pendekatan dakwah ustaz kepada golongan LGBT. Kesimpulannya, responden yang memberikan jawapan sangat faham menunjukkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 74.2%

7. Adakah pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew ini dapat membantu golongan LGBT dalam mengenali fitrah asal mereka?

31 responses



Rajah 7

Seterusnya, terdapat juga tinjauan berkenaan persepsi responden terhadap pendekatan dakwah Ustaz Ebit Lew dalam membantu golongan LGBT dalam mengenali fitrah asal mereka. Rajah diatas menunjukkan bahawa kebanyakan responden menyetujui bahawa dakwah Ustaz sangat membantu golongan LGBT dalam mengenali fitrah asal mereka dengan jumlah peratusan sebanyak 87.1 %. manakala 12.9% mewakili kepada kurang membantu.

Selain daripada soalan yang berbentuk pilihan jawapan, terdapat juga soal selidik berkenaan dengan pandangan ataupun pendapat responden dengan menulis jawapan pada ruangan yang disediakan. Antaranya soalan berkenaan dengan kaedah yang digunakan oleh Ustaz Ebit Lew dalam mendekati golongan LGBT ini. Antara mereka ada yang memberi pandangan seperti berikut:

“Dakwah dengan lisan (nasihat) dan akhlak”

“Beliau mengajak mereka untuk solat bersama-sama bahkan melayan mereka sama dengan golongan lain”

“Teguran bil hikmah”

“Turun ke lapangan”

“Pendekatan secara berlemah lembut”

Kebanyakan daripada mereka memberikan pandangan bahawa Ustaz Ebit Lew menggunakan kaedah dakwah bil hikmah dan juga ustaz memberi dakwah kepada golongan LGBT ini dengan lebih dekat iaitu secara bersemuka dan turun sendiri ke tempat di mana golongan ini berkumpul.

Seterusnya soalan yang diajukan di dalam tinjauan soal selidik adalah soalan berkenaan dengan kebaikan yang diterima oleh golongan LGBT daripada dakwah Ustaz Ebit Lew. Respondan berpendapat bahawa :

“Ada antara mereka yang insaf dengan kehidupan kini sehingga mengalirkan air mata. Ada yang berubah kearah yang lebih baik”

“Berubah menuju jalan yang lurus”

“Dapat kembali pada jalan Allah”

“Dapat memberi kesedaran dalam diri untuk lebih mendekati diri kepada tuhan”

“Dapat menerima ajaran Islam yang sebenar dengan lebih baik”

“Dapat mengenali fitrah asal mereka dengan lebih jelas”

“Memberi peluang kepada mereka untuk bertaubat”

“Mendapat sokongan dan kasih sayang daripada masyarakat”

“Mengetahui baik buruk”

“Mereka diberi peluang untuk kembali kepada tuhan tanpa diberi apa apa hukuman”

Berdasarkan pandangan yang diberi oleh responden berkenaan dengan soalan kebaikan yang diterima oleh golongan LGBT daripada dakwah Ustaz Ebit Lew adalah semua responden menyatakan bahawa pendekatan dakwah ini memberi kesan yang positif kepada penerimanya. Kebanyakan responden berpendapat bahawa dengan adanya dakwah Ustaz Ebit Lew ini dapat memberi peluang kepada golongan LGBT kembali kepada jalan yang sebenar dan diredhai oleh Allah. Selain itu, golongan ini dapat mengetahui segala hal dengan lebih baik serta dapat mengetahui yang mana hak iaitu yang bertepatan dengan ajaran Islam dan yang mana batil iaitu yang bercanggah dari agama.

Soalan yang terakhir merangkumi tentang pandangan responden terhadap penambahbaikan pendekatan dakwah Ustaz. 14 orang memberikan pandangan mereka terhadap soalan ini. Antaranya adalah.

“membantu mereka dalam mengaji, solat”

“meningkatkan kerjasama dengan majlis agama setiap negeri”

“mendekati mereka, bagitau perihal neraka dan syurga, hari kiamat itu pasti. Mereka perlukan perhatian sebenarnya”

“melakukan program tentang kebaikan agama Islam”

Daripada pandangan yang diutarakan ini, jelas menunjukkan bahawa responden memberikan pandangan agar pendakwah berganding bahu dan bekerjasama dengan Majlis agama setiap negeri untuk membanteras kegiatan yang tidak senonoh ini. Hal yang boleh dilakukan adalah menceritakan perihal agama Islam dengan lebih mendalam agar mereka dapat mengenali Islam dengan baik.

7. KESIMPULAN

LGBT adalah kumpulan manusia yang wujud di seluruh dunia. Kumpulan ini dianggap kumpulan minoriti yang mana bukan sekadar hidup dengan cara yang salah malahan turut memperjuangkan cara hidup tersebut supaya diterima oleh masyarakat secara global. Dalam perspektif Islam, gerakan dan perjuangan LGBT dianggap sebagai perjuangan yang menyalahi dasar dan prinsip agama. Walaupun begitu, dalam konteks kehidupan masyarakat majoriti Islam di Malaysia, perjuangan LGBT masih giat dijalankan oleh kelompok ini secara zahir ataupun terselindung sebagai contoh pendekatan dakwah yang dibawa oleh kumpulan Ustaz Ebit Lew. Oleh yang demikian, kegiatan dakwah harus diperkasakan dan diperluaskan kepada umat manusia agar tidak berlaku keciciran mad'u terutamanya kumpulan minoriti seperti kumpulan LGBT.

Selain itu, pendekatan yang dibawa oleh pendakwah Ustaz Ebit Lew ini adalah begitu efektif dan pelbagai usaha yang dijalankan oleh beliau dalam proses menyampaikan nilai-nilai hidup Islam yang sebenar kepada kumpulan LGBT dengan berkesan. Dengan mengambil pendekatan yang telah digunakan oleh pendakwah Ustaz Ebit Lew, kajian mendapati bahawa antara pendekatan yang sesuai digunakan dalam aktiviti dakwah dalam menyantuni kumpulan LGBT ialah dakwah bi al-hal, dakwah melalui hiburan, dakwah melalui pembinaan sosial dan dakwah melalui pembangunan sahsiah. Selain itu, sikap yang ada pada pendakwah Ustaz Ebit Lew ini adalah berpegang untuk menjauhkan diri mereka daripada sikap judgemental dan stigma negatif terhadap kumpulan LGBT kerana untuk mendapat keberkesanan dakwah kepada golongan ini adalah melalui hati yang terbuka niat untuk kebaikan umat bersama tanpa adanya prasangka. Akhir sekali, Semua pihak harus bersatu padu bagi membendung gejala LGBT. Sikap masyarakat yang memandang ringan isu berkenaan haruslah dikikis agar anggota masyarakat bebas daripada gejala LGBT. Justeru semua pihak perlu bersatu dalam menangani isu LGBT dan mendekati mereka dengan cara yang baik, memandangkan pergaulan dan pembawakan diri yang agak berbeza berbanding manusia normal serta berikan teguran kepada mereka termasuk di media sosial secara berhemah dan jangan sesekali meminggirkan mereka.

RUJUKAN

- Mohd Afandi Mohd Ismail, Mohd Sabree Nasri. (2019). Gejala LGBT di Malaysia: Isu dan Cadangan Penyelsesaian. *Research Gate. Journal of Law & Governance*. Volume 2 (No.1) 2019: 51-65.
- Mohd Afandi Mohd Ismail, Mohd Sabree Nasri, Muhamad Hasif Yahaya, Ikmal Hafiz Jamal, Muhammad Najib Abdul Wakil. (2020). Isu LGBT di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian. *Insla E-Proceeding*. Vol. 3 No.1 pp 459-470, E-ISSN: 2735-1742.
- Rizal Choy. 2019. "Isu LGBT". *Rizal.Co, Academia*.
- Mohammad Hariz Shah Mohammad Hazim Sha. (2021). Penambahbaikan Undang-undang Jenayah Syariah dalam Menangani Isu Transgender di Malaysia: Cabaran dan Cadangan.
- Ahmad, M. I., Haikal Anuar Adnan, Abd Satar, J., Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Wan Azreena, J., Zainal Abidin, J. & Wan Mohd Zain, W. M. S. (2015). Faktor dan Gaya Hidup Serta Kemungkinan Kembali Pulih dalam Kalangan Lesbian.
- Noor Hafizah Haridi, Kamal Azmi Abd. Rahman, Rosni Wazir. (2016). Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT).
- Nor Nazihah Awang @Yaacob, Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2020). Pendekatan Dakwah Melalui Usrah Kepada Golongan Lesbian.
- Nurizzati Hasbullah, Khazri Osman. (2018). Pendekatan Dakwah Terhadap Golongan Transgender di Pertubuhan Usrah Fitrah Klang.
- Azlina Mohd Khir, Che W Hashimi Rafsanjani Che W Raksan. (2018). Faktor Keterlibatan Belia dalam Isu Gay di Kuala Lumpur.
- Noremy Md Akhir, Fadzilah Abdullah, Mohammad Rahim Kamaluddin. (2019). Faktor Pengaruhi Mahasiswa Terlibat Dalam LGBT di Institusi Pengajian Tinggi Awam di Lembah Klang.
- Azlina Mohd Khir, Che W Hashimi Rafsanjani Che W Raksan, Aini Azeqa Ma`rof, Amna Md Noor. (2018). Kesan Keterlibatan Belia dalam Aktiviti Gay di Kuala Lumpur.
- Kamal Azmi Abd. Rahman. (2015). Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT.
- Wan Nursabrina Batrisyia Wan Rushdan Nasrudin Subhi. (2022). Meneroka Gaya Hidup dan Gaya Keibubapaan Terhadap Normalisasi Keterlibatan Individu dalam Gejala LGBT dalam Kalangan Mahasiswa.
- Kartina Sari Abd Karim, Muhammad Azizan Sabjan. (2022). 021-Pemikiran Dan Perjuangan Ebit Irawan bin Ibrahim Lew dalam Dakwah Saudara Baru di Malaysia.
- Siti Mardiyah Kamal Azhar, Maisarah Saidin, Muhammad Najmi Md Aziman. (2019). Kerahmatan Islam Dalam Mendepani Golongan LGBT.
- Dr. Zamihan Mat Zin Al-Ghari. 2021. Peringatan Jelas daripada Allah dalam Al-Quran.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Noor Hafizah Bt. Mohd Haridi. 2018. Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah.
- Kamal Azmi Abd. Rahman, Rosni Wazir (2016). Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT).